Sidang Penasihat : Gabungan Majlis Guru Besar Sekolah Rendah Malaysia

Mingguan Didikku Tahap 1

22/97

PP 8293/4/97
17.11.97

KELUARAN KHAS BULAN NOVEMBER.1997

Diterbitkan oleh Sasmurni Bakti Sdn. Bhd. (203140–K) 42, Jalan 10/34B, Sri Edaran Industrial Park, Kepong, 52100 Kuala Lumpur. Tel : 03-6269471(4 lines) Fax : 03-6267795, Semenanjung : RM 1.20 Sarawak : RM 1.30 Sabah: RM 1.40

SIAPA YANG LEBIH BERILMU?

Anak monyet dan anak arnab berkawan baik. Mereka berpendapat bahawa masing-masing mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih daripada kawannya.

Pada suatu hari mereka bersua dengan seekor harimau yang lapar.

Tengoklah bagaimana saya menipunya.

Bagaimana?

Tuan harimau, kami dah tangkap beberapa ekor ayam. Bagaimana kami nak membahagi-bahagikannya?

Harimau sangat gembira bila mendapat tahu ada ayam yang telah ditangkap. Ia tidak jadi untuk memakan arnab dan monyet.

Di mana ayam-ayam itu?
Di dalam gua.
Bawalah saya ke sana. Biarlah saya bahagi-bahagikan ayam itu untuk kamu berdua.
Mereka pun sampai di depan pintu gua. Pintu gua itu kecil sahaja.
Arnab, kamu masuk ke dalam gua dan bawa ayam-ayam keluar.
Hei, lamanya arnab masuk ke dalam gua! Mungkin dia sedang makan ayam.
Beraninya dia menipu aku. Kamu pergi masuk dan tangkap arnab.
Rupanya kamu mempunyai ilmu yang lebih daripada saya. Harimau masih menunggu di luar.

TIKUS KAMPUNG DENGAN TIKUS BANDAR



Kedua-dua tikus itu pun bertolak ke bandar.



Di bandar, Tikus Kampung berasa takut semasa hendak menyeberangi jalan raya.

Akhirnya mereka sampai di rumah Tikus Bandar. Tikus Kampung kagum melihatkan makanan yang enak tersaji di atas meja.

Makanan yang enak itu belum pernah dimakan oleh Tikus Kampung.



Bertuahlah kamu kerana dapat makanan yang enak seperti ini.

Tiba-tiba ada orang masuk ke dalam bilik itu.

Tikus Bandar segera masuk ke dalam lubang. Tikus kampung ketakutan. Ia pun berlari masuk ke dalam lubang.

Orang itu keluar semula selepas meletakkan makanan di atas meja.

Tikus Kampung dan Tikus Bandar keluar dari lubang untuk makan. Tikus Kampung tidak senang hati untuk makan.

Orang masuk ke bilik lagi.

Ha! Bagaimana? Sedapkah makanan ini?

Kedua-dua tikus masuk ke dalam lubang lagi.

Saya dah lupa rasa makanan itu kerana terlalu cemas.

Makanan itu sememangnya sedap!

Saya nak balik ke kampung. Hidup di kampung lebih aman dan sesuai untuk saya.

Tikus Kampung pun pulang ke kampung semula!

Nilai : Baik Hati

Linda pulang ke rumah dan mendapatkan ibunya. Dia hendak menceritakan peristiwa yang dialaminya pagi tadi.

"Apa yang berlaku, Linda? Bukankah kau ke perpustakaan pagi tadi?" tanya ibunya.

"Betul, mak. Pagi ini saya pergi ke perpustakaan untuk membuat rujukan dan meminjam buku. Saya meletakkan beg di luar perpustakaan dan hanya membawa nota serta dompet. Dalam perjalanan pulang, baru saya sedar yang dompet saya hilang," terang Linda.

"Kemudian apa yang berlaku?" tanya ibunya lagi.

"Saya berasa malu kerana tidak mempunyai wang untuk membayar tambang bas. Nasib baik, pemuda yang baik hati di sebelah saya membayarkannya untuk saya. Kemudian saya pergi ke balai polis untuk membuat laporan," terang Linda.

"Ibu rasa kau patut lebih berhati-hati kelak. Kita patut berterima kasih kepada pemuda yang baik hati itu."

Soalan-soalan :

1. Siapakah orang yang Linda jumpa apabila dia pulang ke rumah?
   A Ibunya B Bapanya C Gurunya D Kawannya

2. Ke mana Linda pergi pagi tadi?
   A Ramah kawan B Kedai C Perpustakaan D Sekolah

3. Untuk apakah dia pergi ke tempat itu pagi tadi?
   A Mencari kawannya
   B Membeli buku
   C Membeli barang
   D Membuat rujukan dan meminjam buku



4. Apa yang berlaku dalam perjalanan pulang Linda?
   A Dia terjumpa kawannya
   B Dia sedar yang dompetnya telah hilang
   C Buku yang dipinjam olehnya telah hilang
   D Bas yang dinaiki telah rosak

5. Siapa yang telah menolong Linda membayar tambang bas?
   A Seorang pemuda yang baik hati B Seorang nenek yang baik hati
   C Guru Linda D Ibu Linda

A. Lengkapkan tempat-tempat kosong di bawah ini dengan perkataan yang sesuai.

CUTI SEKOLAH

Tidak lama lagi saya akan bercuti. Saya akan _____ selama enam minggu. Saya berasa amat _____ tetapi saya juga sedih kerana terpaksa _____ dengan kawan-kawan saya.

Pada masa cuti, saya tidak mahu _____ masa. Saya boleh bermain seperti biasa tetapi saya juga mesti _____ buku. saya akan membaca buku-buku cerita yang _____ oleh ayah saya. Saya juga akan _____ emak saya membuat kerja-kerja yang boleh saya lakukan.

membuang dibeli bercuti membantu berpisah membaca gembira

B. Padankan simpulan bahasa berikut dengan maknanya yang betul.

1.	Buruk siku	a. Orang yang gemar mencuri barang.
2.	Tidur-tidur ayam	b. Pemberian yang dibawa semasa melawat seseorang.
3.	Langkah seribu	c. Tidur yang tidak lena.
4.	Buah tangan	d. Mengambil semula sesuatu benda yang telah diberikan.
5.	Panjang tangan	e. Tindakan berlari cepat-cepat kerana ketakutan.

Jawapan Bahasa Inggeris Tahun 3 21/97
1. d 2. g 3. a 4. e 5. f 6. b 7. h 8. c

Jawapan Matematik Tahun 3 21/97
A. 1. D 2. B 3. A 4. D 5. A 6. C

Jawapan Bahasa Inggeris Tahun 2 21/97
1. prays 2. play 3. cookes 4. reads 5. brushes

Jawapan Pendidikan Moral 21/97
1. A 2. C 3. D 4. B 5. B

A. Salin ayat-ayat di bawah dengan menggunakan tanda baca yang betul.

1. aduh sakitnya perut saya

_____

2. gopal membeli pensel pembaris dan buku cerita dari kedai buku itu

_____

3. siapakah yang datang dengan susan tadi

_____

4. kamal ramli ahmad dan hamid bercadang hendak pergi berkelah pada sabtu ini

_____

5. si comel ialah kucing kesayangan suzana

_____

B. Isikan tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai.

dengan	dari	ke	hingga	pada
di	untuk	daripada	oleh	kepada

1. Buku itu disimpannya _____ dalam almari buku.
2. Lina belum pernah pergi _____ Pulau Langkawi.
3. Kakak membelikan sehelai baju _____ saya.
4. Tiap-tiap pagi ayah pergi ke pejabat _____ kereta.
5. Abang akan sampai ke rumah _____ pagi esok.
6. Nasi yang sudah basi itu dibuang _____ ibu ke dalam tong sampah.
7. Kerusi dan meja itu dibuat _____ kayu.
8. Encik Wong berasal _____ Melaka.
9. Hadiah itu sudah diberikannya _____ Rosli.
10. Kumar bekerja dari pagi _____ malam.

Jawapan Bahasa Melayu Tahun 3 21/97

A. 1. tertinggal 2. terpijak 3. dijual 4. dikoyak 5. ditembak 6. dimakan 7. disimpan 8. tersenyum 9. terjatuh 10. dicuri

B. tradisional, digemari, rata, lapang, musim

Jawapan Matematik Tahun 3 21/97

A. 1. 220 2. 575 3. 805 4. 650 5. 985

B. 1. 7 m 65 cm 2. 4 m 10 cm 3. 3 m 5 cm 4. 5 m 90 cm 5. 8m 95 cm

C. 1. 831 m 2. 901 cm 3. 409 m 4. 408 cm 5. 526 m 6. 792 m 7. 120 m 8. 113 cm

Perhatikan gambar A. Kemudian bulatkan 8 bahagian yang berbeza dalam gambar B. Warnakan gambar A.





PTS (Ujian Aptitud)

1. Ringan lawannya _____.
   A senang B susah
   C berat D mudah

2. Bongkak : Sombong : : Pelihara :
   A Batal B Istimewa
   C Bela D Binasa

3. Saya _____ membantu kamu menyelesaikan _____ ini.
   A sudi.....masalah
   B harap.....soalan
   C sengaja.....pendapat
   D puas.....hal

4. Raja membawa <u>pengikut</u> pergi memburu di dalam hutan.
   Cari perkataan yang seerti dengan perkataan bergaris dalam ayat di atas.
   A Saudara B Pengiring
   C Askar D Pembantu

5. _____ sungguh bernilai, kita harus _____nya.
   A Ibu bapa.....menyayangi
   B Ilmu pengetahuan.....melupai
   C Nyawa.....menghargai
   D Waktu.....menyimpan

6. _____ dia berpendapatan lumayan _____ dia tidak suka menderma.
   A Sungguhpun.....tetapi
   B Jika.....mungkin
   C Bukan.....tetapi
   D Walaupun.....dan

7. Pasangan yang manakah mempunyai maksud yang berlawan?
   A Hati-hati.....waspada
   B Singgah.....berhenti
   C Campak.....buang
   D Tanggal.....pasang

8. Pada waktu _____, kami sekeluarga suka _____ di halaman rumah.
   A petang.....berenang
   B senja.....berbual-bual
   C malam.....membaca
   D pagi.....menyorok

Jawapan Matematik Tahun 2 21/97

A. 1. Pukul empat suku 2. Pukul tiga setengah
   3. Pukul sebelas suku 4. Pukul enam tiga suku
   5. Pukul sebelas setengah

B. 1. 5 : 15 2. 8 : 45 3. 12 : 30 4. 4 : 45
   5. 10 : 30 6. 6 : 15

Baca petikan di bawah. Kemudian jawab soalah 9 dan 10.

Hobi ialah kegemaran yang diamalkan pada waktu lapang. Ada hobi yang baik dan ada yang buruk. Kita harus mempunyai hobi yang baik dan mendatangkan faedah. Hobi seperti ini adalah seperti bermain catur, mengumpul setem, berenang, membaca, dan sebagainya. Hobi yang baik ini bukan sahaja dapat menyihatkan badan kita tetapi juga dapat memupuk daya pemikiran kita. Hobi yang buruk adalah kegiatan seperti merokok dan menonton video tanpa berhenti-henti. Hobi seperti ini membahayakan kesihatan dan pemikiran kita.

9. Yang manakah berikut **bukan** hobi yang baik?
   A Membaca
   B Berenang
   C Berahi menonton rakam video
   D Mengumpul setem

10. Hobi yang manakah boleh memupuk daya pemikiran kita?
    A Berjudi B Merokok
    C Menonton D Bercatur

11.

    Pada Hari _____, budak-budak mendapat _____.
    A Krismas.....hadiah
    B Tahun Baru Cina.....kotak
    C Deepavali.....wang
    D Raya.....piara

Jawab soalan 12 dan soalan 13 berasaskan rajah di bawah.

12. Di manakah orang-orang dalam gambar di atas berada?
    A Ruang tamu
    B Restoran
    C Gelanggang bola
    D Panggung wayang

13. Apabila kita berada di tempat seperti dalam soalan 12, kita _____ supaya tidak mengganggu orang lain.
A menjaga kebersihan
B jangan membuat bising
C berasa gembira
D menjaga kesihatan

14. 
Terdapat _____ anggur di atas pokok anggur itu.
A longgok
B tongkol
C ikat
D gugusan

15. Budak-budak itu bermain _____ pagi _____ petang.
A daripada.....ke
B pada.....kepada
C di.....dengan
D dari.....hingga

16. Apakah nilai nombor 2 dalam nombor 205?
A 2
B 200
C 20
D 12

17.
Berapakah pecahan yang diwakili oleh bahagian hitam dalam gambar rajah di sebelah?
A $\frac{1}{5}$
B $\frac{1}{6}$
C $\frac{1}{7}$
D $\frac{1}{8}$

18. Hasil tambah yang manakah antara berikut sama dengan 359?
A 3 + 5 + 9
B 30 + 9 + 500
C 9 + 50 + 300
D 50 + 3 + 900

19. ● mewakili 1, □ mewakili 2, ▢ mewakili 3.
Yang manakah berikut **betul**?
A ● + □ = □ + ●
B □ − ● = □ + ▢
C □ + □ > ● + ▢
D ● + ● > ▢ + □

20.

3	26	13	8
7	30	17	(Y)
5	28	15	10

Nilai Y ialah
A 12
B 14
C 15
D 2

21. Di dalam sebuah kotak ada 45 biji gula-gula. Mimi mengambil 3 biji pada setiap hari. Lily pula mengambil 2 biji pada setiap hari. Berapa hari diperlukan bagi Mimi dan Lily untuk mengambil kesemua gula-gula di dalam kotak itu?
A 9
B 12
C 15
D 22

22. Markah Lisa adalah 2 kali ganda markah Roslan. Kumar mendapat kurang satu markah daripada Roslan. Seng mendapat lebih 5 markah daripada Kumar.
Siapa mendapat markah tertinggi?
A Lisa
B Roslan
C Kumar
D Seng

23. Pak Abu ada 900 anak pokok getah. Dia hendak menanam anak pokok itu dalam 20 baris dan setiap baris mempunyai jumlah pohon pokok yang sama. Berapa pohon pokok getahkah dalam setiap baris?
A 54
B 45
C 35
D 75

24.

Nasi ayam	RM 2.50 sebungkus
Kuih	RM 0.35 sekeping
Minuman	RM 0.90 sebotol

Julia membeli dua bungkus nasi ayam, tiga keping kuih, dan sebotol minuman. Jika dia membayar RM 20.00 kepada pekedai, berapakah baki wang yang diterima oleh Julia?
A RM 3.75
B RM 6.95
C RM 10.75
D RM 13.05

Jawapan Bahasa Inggeris Tahun 3 22/97
A. 1. A 2. B 3. C 4. C 5. C
B. 1. roar 2. at 3. shop 4. wild 5. beside
6. farmer 7. walks 8. between 9. strong 10. meat

25. 10.15 pagi ⇒ 10.30 pagi

? ⇒ 1.10 petang

A 1.25 petang B 1.30 petang
C 12.55 petang D 12.50 petang

26.



Ada berapa segi tiga dalam rajah di atas?
A 9 B 8
C 7 D 4

27. Corak-corak di bawah semuanya ada empat sisi, **kecuali**

A
B 
C 
D 

28.

Guli / Kotak	Guli merah	Guli biru	Guli hijau
Kotak 1	66	21	62
Kotak 2	58	25	33
Kotak 3	14	96	30
Kotak 4	36	87	15

Kotak yang manakah mempunyai paling banyak guli?
A Kotak 1 B Kotak 2
C Kotak 3 D Kotak 4

29. W

X 

Y

Z 

Karung yang manakah paling ringan?
A W B X
C Y D Z

30 Corak yang manakah berlainan daripada yang lain?

A
B
C
D

31. Bendera Kebangsaan ada 14 jalur. Ada berapa jenis warna dalam 8 jalur?
A 1 B 2
C 3 D 4

32. 

Jika Mimi ada RM 40, kumpulan barang yang manakah dapat dibeli olehnya?
A Tiga kaki payung dan sebatang raket
B Lima buah buku dan sebatang raket
C Dua buah jam tangan dan dua buah buku
D Dua buah jam tangan dan dua kaki payung

33.

1 : '2 berdiri di depan saya.'
2 : '3 berdiri di depan saya.'
3 : '4 berdiri di depan saya.'
4 : 'Jarak antara saya dan 1 paling jauh.'

Berdasarkan penerangan di'atas, kedudukan yang manakah betul?

A 

B 

C 

D 

34. Dua tahun yang lalu, umur Rosli ialah empat kali ganda umur Kamal. Pada tahun lalu umur Rosli tiga kali ganda umur Kamal. Pada tahun ini Rosli berumur 10 tahun, berapakah umur Kamal?
A 6 tahun B 5 tahun
C 4 tahun D 3 tahun

35. 

X ialah

A

B

C

D

Jawab soalan 36 dan soalan 37 berasaskan graf di bawah.



36. Carta di atas menunjukkan bilangan murid di empat buah sekolah. Sekolah yang manakah mempunyai paling kurang murid?

A P B Q
C R D S

37. Dua sekolah yang manakah mempunyai perbezaan bilangan murid seramai 200 orang?

A R dan S B R dan Q
C Q dan S D S dan P

Jawapan Bahasa Inggeris Tahun 2 22/97

A. 1. c 2. a 3. d 4. f 5. e 6. b
B. 1. in 2. under 3. on 4. beside 5. near 6. between
C. 1. thin 2. old 3. dirty 4. poor 5. short 6. rich
D 1. doctor 2. postman 3. fisherman 4. rubber tapper 5. teacher 6. farmer 7. fireman 8. nurse 9. policeman 10. shopkeeper



Jawab soalan 38 dan soalan 39 berasaskan jadual di bawah.

Jadual Perjalanan dan Tambang Ekspres Ros		
Destinasi	Masa bertolak	Tambang
Kuala Lumpur → Kota Bahru	10.30 pagi 8.00 malam	RM 25.00 RM 25.00
Kuala Lumpur → Kuala Terengganu	9.00 pagi	RM 20.00
Kuala Lumpur → Kuantan	9.30 pagi 2.30 petang	RM 11.00 RM 11.00
Kuala Lumpur → Johor Bahru	7.00 malam	RM 15.20

38. Bas ekspres dari Kuala Lumpur ke tempat-tempat yang manakah terdapat dua kali perkhidmatan dalam sehari?
A Kota Bahru dan Kuala Terengganu
B Kuala Terengganu dan Kuantan
C Kuantan dan Johor Bahru
D Kota Bahru dan Kuantan

39. Perkhidmatan Bas Ekspres Ros tamat selepas pukul _____.
A 8.00 malam B 7.00 malam
C 3.00 petang D 9.00 pagi

40. Bongkah yang manakah akan jatuh terlebih dahulu ke atas tanah apabila angin kencang bertiup?

A

B

C

D

41. Benda yang manakah berbeza daripada yang lain?

A

B

C

D

42. Jika lima orang mengambil masa 5 minit untuk menggoreng 5 biji telur, berapa lama masa yang diperlukan oleh 100 orang untuk menggoreng 100 biji telur?

A 100 minit B 50 minit
C 5 minit D 2 jam

43. 

A B

C D

44. 

A  B 

C  D 

Jawab soalan 45 dan soalan 46 berasaskan rajah di bawah.

1 2

3 4

45. Alat yang manakah membantu kita menyelesaikan masalah matematik dengan cepat dan tepat?

A 1 B 2
C 3 D 4

46. Leela ingin berbual-bual dengan kakaknya yang belajar di luar negeri. Benda yang mana akan digunakannya?

A 1 B 2
C 3 D 4

47. 

Buah yang manakah paling ringan?

A B

C D

48. Bentuk yang manakah mempunyai satu permukaan?

A B

C D

49. 

Anak kunci yang manakah boleh membuka kunci yang sama?

A 1 dan 2 B 2 dan 3
C 4 dan 5 D 5 dan 6

50. 

Hamid ada 32 buah buku. Dia memuatkan buku-buku itu ke dalam satu kotak. Rajah di atas menunjukkan jumlah setiap jenis buku yang dimilikinya. Hamid ada berapa buah buku cerita?

A 8 B 16
C 24 D 32

A. Tuliskan nilai baki wang.

Wang yang ada	Harga barang	Baki wang
1. RM 5 RM 2	RM 5.80	
2. RM 2 RM 2 RM 2	RM 4.50	
3. RM 5 RM 2 RM 1	RM 7.15	

B. Pilih jawapan yang betul.

1. Datuk Rosli menanam 287 batang pokok getah dan 194 batang pokok kelapa sawit. Berapa batang pokok kesemuanya?
   A 83 B 93
   C 471 D 481

2. Ada 480 biji cawan. 9 biji daripadanya telah pecah. Berapa biji yang masih elok?
   A 471 B 481
   C 489 D 499

3. Mak Minah ada 500 biji buah epal. 254 biji daripadanya berwarna merah. Berapa biji yang berwarna hijau?
   A 236 B 246
   C 256 D 266

4. Pak Hamid telah menjual 245 biji telur pada hari Isnin, 164 biji pada hari Selasa, dan 77 biji pada hari Rabu. Berapakah jumlah telur yang telah dijual oleh Pak Hamid?
   A 241 B 322
   C 409 D 486

5. Ada 508 orang pekerja lelaki dan 249 orang pekerja perempuan dalam sebuah kilang. Berapakah beza bilangan pekerja lelaki dengan bilangan pekerja perempuan?
   A 239 B 249
   C 259 D 269

6. Carikan beza antara RM 6.50 dan RM 2.90.
   A RM 2.60 B RM 3.60
   C RM 4.60 D RM 5.60

7. Emak memberi Lisa RM 5 untuk membeli barang-barang. Lisa membelanjakan RM 3.60. Berapakah baki wang yang tinggal?
   A RM 0.40 B RM 1.40
   C RM 2.40 D RM 3.40

8. Puan Lim membeli seekor ayam dengan harga RM 4.40. Berapakah baki wang jika dia membayar wang kertas RM 10.00?
   A RM 4.60 B RM 5.60
   C RM 6.60 D RM 7.60

9.
   Jam di atas menunjukkan waktu
   A pukul tiga setengah
   B pukul tiga suku quarter
   C pukul enam suku
   D pukul enam tiga suku

10.
    Jam di atas menunjukkan waktu
    A pukul enam tiga suku
    B pukul tujuh tiga suku
    C lagi suku pukul lapan
    D pukul sembilan setengah

Jawapan Bahasa Melayu Tahun 2 22/97
A. bercuti, gembira, berpisah, membuang, membaca, dibeli, membantu
B. 1. d 2. c 3. e 4. b 5. a

Pilih jawapan yang betul.

1. Jumlah harga 5 buah anak patung ialah RM 75.00. Berapakah harga sebuah anak patung itu?
   A RM 5.00 B RM 15.00
   C RM 25.00 D RM 35.00

2. Maniam membeli 3 kotak pensel. Setiap kotak pensel itu berharga RM 2.40. Jumlah wang yang dibayar oleh Maniam untuk membeli pensel-pensel itu ialah
   A RM 4.80 B RM 7.20
   C RM 8.40 D RM 9.60

3. Puan Lim membeli sehelai kemeja-T yang berharga RM 22.00, sehelai seluar pendek berharga RM 26.00, dan sepasang stoking berharga RM 7.00. Berapakah jumlah wang yang dibayar oleh Puan Lim?
   A RM 29.00 B RM 33.00
   C RM 48.00 D RM 55.00

4. Seketul kuih dibahagikan kepada lapan bahagian yang sama. Ramli diberi $\frac{3}{8}$ daripada kuih dan Rosli diberi $\frac{2}{8}$ daripada kuih itu. Berapa banyak kuih yang telah diberi kepada Ramli dan Rosli?
   A $\frac{1}{8}$ B $\frac{3}{8}$
   C $\frac{5}{8}$ D $\frac{7}{8}$

5. Jamal ada $\frac{4}{6}$ buku roti. Dia memberikan $\frac{1}{6}$ buku roti kepada adiknya. Berapa banyak roti yang tinggal?
   A $\frac{1}{6}$ B $\frac{3}{6}$
   C $\frac{5}{6}$ D 1



Jawapan PTS (Ujian Aptitud) 21/97

1. D	2. C	3. A	4. D	5. B
6. A	7. D	8. A	9. D	10. C

6. Ramu ada sebatang tebu. Setelah memakan $\frac{2}{3}$ daripada tebu itu, berapakah baki tebu yang tinggal?
   A $\frac{1}{2}$ B $\frac{1}{3}$
   C $\frac{1}{4}$ D $\frac{1}{5}$

7. $\frac{3}{8} + \frac{1}{8} + \frac{1}{8} =$
   A $\frac{1}{8}$ B $\frac{5}{8}$
   C $\frac{7}{8}$ D 1

Jawab soalan 8 dan 9 berasaskan jadual di bawah.

Atur cara Expo Pertanian

2.00 petang	— Para tetamu mengambil tempat.
3.00 petang	— Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pertanian.
3.10 petang	— Ucapan oleh pengerusi Pengelola Expo.
3.30 petang	— Ucapan oleh Yang Berhormat Menteri serta merasmikan Expo Pertanian.
4.00 petang	— Penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian.
5.30 petang	— Jamuan teh untuk para hadirin.
6.00 petang	— Lawatan ke gerai Expo.

8. Acara penyampaian hadiah memakan masa selama
   A 1 jam 10 minit
   B 1 jam 20 minit
   C 1 jam 30 minit
   D 1 jam 40 minit

9. Jamuan teh diadakan pada pukul
   A 3.30 petang B 4.00 petang
   C 5.30 petang D 6.00 petang

10. Panjang sebuah meja ialah 127 cm. Berapakah panjang 7 buah meja yang disambung hujung ke hujung?
    A 889 cm B 988 cm
    C 431 cm D 134 cm

11. Puan Low ada sehelai kain panjangnya 464 cm. Dia hendak memberi kain itu kepada 8 orang kawannya. Berapa panjang kain tiap-tiap seorang dapat?
    A 52 cm B 54 cm
    C 56 cm D 58 cm

Kitaran Hidup Katak

Seekor berudu tinggal di dalam sebuah kolam.

Pada suatu hari, ia bertemu dengan seekor kura-kura.

Kamu nak pergi mana, kura-kura?

Saya nak naik ke tebing kolam.

Berudu juga hendak naik ke tebing kolam. Dia mengekori kura-kura.

Kura-kura sudah pun naik ke tebing kolam. Berudu tidak berjaya kerana ia tidak ada kaki dan tangan.

Berudu berasa sangat sedih.

Pada suatu hari, berudu dapati ada sesuatu yang tumbuh dekat ekornya. Oh, rupa-rupanya sepasang kaki telah tumbuh.

Beberapa hari kemudian tumbuh pula sepasang lengan.

Ekornya menjadi semakin pendek dan mulutnya menjadi semakin lebar.

Ha, saya boleh naik ke tebing kolam!

Seekor bangau telah cuba hendak memakan berudu.

Berudu segera terjun ke dalam kolam.

Tidak lama kemudian, berudu dapati ekornya telah hilang. Kaki dan lengannya menjadi lebih kuat.

Berudu kini telah membesar sebagai katak. Dia boleh hinggap di atas daun teratai dan bermain-main di tebing kolam.

Katak tersangat gembira kerana boleh melompat-lompat di tebing kolam.

SIAPA YANG PALING KUAT?

Pada suatu hari, seketul batu besar telah bergolek dari atas bukit. Batu itu menutupi pintu rumah Arnab.



Sayalah yang paling kuat. Tanpa bantuan saya kamu semua tidak dapat menggerakkan batu ini.
Hei, batu ini tidak dapat digerakkan.
Monyet ini nampak saja kurus, tapi badannya kuat.
Tiba-tiba Ayam Jantan terpijak kaki Kambing. Kamping melepaskan tangannya. Batu itu tidak boleh digerakkan semula.
Hei, rupa-rupannya sayalah yang paling kuat!
Tiba-tiba Ayam Jantan tergelincir. Tanpa Ayam Jantan, batu itu juga tidak bergerak.
Hei, Sayalah yang paling kuat!

Kepada adik-adik

Tenaga satu orang sangat terhad. Oleh itu kita hendaklah bersatu tenaga untuk melakukan kerja yang berat supaya berjaya.

A. Match the pictures with the sentences.

1.

2.

3.

a. Mimi reads a book.

b. Rosli cleans his bicycle.

c. Leela waters the plants.

d. John listens to the radio.

e. Ah Ming plays badminton.

f. Lina watches television.

4. 

5. 

6. 

B. Circle the correct answer.

1. 

The cat is (on , in) the basket.

2. 

The ball is (in , under) the table.

3. 

The vase is (on , in) the cupboard.

4.

The boy is (beside , behind) the door.

5. 

The monkey is (behind , near) the tree.

6. 

Lily is (in front of, between) Kassim and Fatimah.

C. Fill in the blanks.

1.

Kumar is a _____ boy.

2.

Mrs. Lim is an _____ woman.

3.

Kamal is a _____ boy.

4.

Encik Samy is a _____ man.

5. 

Suzy is a _____ girl.

6.

Mr. Soh is a _____ man.

D. Label the pictures. Use the words in the box.

teacher	nurse	fireman	rubber tapper	policeman
farmer	postman	shopkeeper	doctor	fisherman

1. 

2.

3.

4.

5.

6.

7.

8.

9.

10. 

A. Read the following passage carefully and then answer the questions below.

Hamid likes to collect sea shells. He does not like collecting stamps. He has many different kinds of sea shells. Some of them are round, others are long. Hamid has one hundred sea shells in his collection.

Every Sunday Hamid's father takes his family to the seaside. Hamid and his sister collect sea shells on the beach. His brother does not like collecting sea shells. He likes swimming.

1. What does Hamid like to do?
   - A He likes collecting sea shells.
   - B He likes collecting stamps.
   - C He likes swimming.
   - D He likes collecting coins.

2. What doesn't Hamid like to do?
   - A He doesn't like collecting sea shells.
   - B He doesn't like collecting stamps.
   - C He doesn't like collecting coins.
   - D He doesn't like swimming.



3. How many sea shells does Hamid have?
   - A One
   - B Ten
   - C One hundred
   - D One thousand

4. Where does Hamid collect his sea shells?
   - A In the sea
   - B In the river
   - C At the seaside
   - D Behind his house

5. Where do you think Hamid will go during the holidays?
   - A To a stamp exhibition
   - B To the swimming pool
   - C To the seaside
   - D To the waterfall

Jawapan Bahasa Melayu Tahun 2 21/97

A. 1. Apakah yang telah berlaku?
2. Siapakah yang membantu memadamkan api?
3. Bilakah kebakaran itu bermula?
4. Berapakah rumah yang rosak?
5. Mengapakah kebakaran itu berlaku?

B. 1. lampu isyarat 2. topi keledar 3. telefon bimbit 4. peti surat 5. lampu api 6. tali pinggang

Jawapan PTS (Ujian Aptitud) 22/97

1. C	2. B	3. A	4. B	5. C
6. A	7. D	8. D	9. C	10. D
11. A	12. D	13. B	14. D	15. D
16. B	17. D	18. C	19. C	20. A
21. A	22. A	23. B	24. D	25. A
26. B	27. B	28. A	29. C	30. B
31. B	32. A	33. D	34. C	35. C
36. D	27. C	38. D	39. A	40. C
41. B	42. C	43. A	44. C	45. D
46. C	47. D	48. B	49. C	50. A

B. Underline the correct word.

1.

Tigers (meow , bark , roar).

2. 

The train leaves (on , in , at) eight o'clock.

3.

A grocer works in a (shop , farm , factory).

4. 

Lions are (wild , tame , slow) animals.

5.

The museum is (behind , by , beside) the library.

6.

Ramu is a (worker , farmer , rubber tapper).

7.

My mother (walks, cycles , runs) to the market.

8. 

Kamal is (between , beside , opposite) John and Samy.

9.

Mr. Tan is a (heavy , big , strong) man.

10.

A butcher sells (fruits , vegetables , meat).

Cuaca dan Musim
Weather and Season



Garisan dan Bentuk
Line and Shape

			
garis lurus *straight line*	garis selari *parallel lines*	garis tegak lurus *perpendicular lines*	lengkungan *curve*
			
bujur *oval*	bulatan *circle*	kiub *cube*	kon *cone*
			
kuboid *cuboid*	lelayang *kite*	piramid *pyramid*	segi empat sama *square*
			
segi empat tepat *rectangle*	segi tiga *triangle*	sfera *sphere*	silinder *cylinder*

Pertandingan Ilmu Pengetahuan Am (Tahap 1)
Tarikh Tutup penyertaan : 31.12.97

Tiap-tiap soalan di bawah ada empat jawapan iaitu **A, B, C,** dan **D.** Pilih jawapan yang **betul** kemudian hitamkan ruang yang berkenaan pada kertas jawapan yang dicetak untuk keluaran ini. Hantarkan kertas jawapan anda kepada Sasmurni Bakti Sdn. Bhd. 42, Jalan 10/34B, Sri Edaran Industrial Park, Kepong, 52100 Kuala Lumpur.

1. Kucing pandai menangkap _____.
   A tikus B ayam C ikan D nyamuk

2. Binatang manakah tidak bertelur?
   A Itik B Kucing C Cicak D Ayam

3. Buah yang tidak ada warna kuning ialah
   A durian B rambutan C pisang D manggis

4. Saya membeli _____ tali di kedai berdekatan dengan rumahnya.
   A seutas B sebiji C seekor D sebanyak

5. Hari Buruh jatuh dalam bulan _____.
   A April B Julai C Mei D Jun

6. "Kaki bola" adalah gelaran kepada mereka yang suka _____.
   A melihat bola B membeli bola C bermain bola D menonton bola

7. Kita menghidu dengan _____.
   A kulit B mata C telinga D hidung

8. _____ bermaksud tidak tahu membaca dan menulis.
   A Kaki botol B Panjang tangan C Muka tebal D Buta huruf

9. Sukan manakah dimainkan dalam kawasan tertutup?
   A Bola sepak B Boling C Lumba basikal D Ragbi

10. _____ boleh terbang.
    A Rama-rama B Katak C Cicak D Harimau

11. Udara sejuk lebih _____ berbanding dengan udara panas.
    A ringan B naik C berat D turun

12. Orang sakit menerima rawatan di _____.
    A balai polis B balai bomba C hospital D pejabat pos

13. _____ dilekat pada sampul surat.
    A Setem B Pen C Pemadam D Gambar

14. Ali berasa sangat _____ kerana anjing kesayangannya mati.
    A gembira B letih C sedih D bimbang

15. Pukul tujuh setengah petang sama dengan _____.
    A 7.30 a.m. B 7.30 p.m. C 7.30 cm D 7.30 m

16. "Negaraku" ialah lagu kebangsaan _____.
    A Singapura B Malaysia
    C Cina D Amerika Syarikat

17. _____ digunakan untuk membuka pintu.
A Pen B Pensel C Pembaris D Kunci

18. _____ digunakan semasa hujan.
A Payung B Baju C Botol D Buku

19. Adik Ali asyik menonton _____ dan tidak mengulang kaji pelajarannya.
A televisyen B buku cerita C pintu D almari

20. Ibu Ah Meng memasak di _____.
A taman B bilik C dapur D tandas

21. Kereta Proton Saga mempunyai _____ roda.
A 3 B 5 C 6 D 4

22. Sampah sarap dibuang ke dalam _____.
A meja B tong sampah C kerusi D almari

23. Kita menulis dan melukis dengan _____.
A tangan B mata C kulit D hidung

24. Bebas macam _____.
A harimau B air C kuda D burung

25. Bulat macam _____.
A buku B bola C sungai D kuda

26. Ah Ming pergi ke _____ untuk menggunting rambutnya.
A farmasi B klinik C kedai runcit D kedai gunting

27. Penganut agama Kristian merayakan hari _____.
A Wesak B Deepavali C Krismas D Buruh

28. 25 + 12 = _____
A 52 B 37 C 62 D 39

29. 98 – 26 = _____
A 72 B 73 C 66 D 71

30. 6 x 6 = _____
A 36 B 66 C 26 D 62

31. 50 sen bersamaan dengan _____ keping syiling 1 sen.
A 60 B 70 C 50 D 40

32. Jumlah harga 2 ekor kucing ialah RM 50. Berapakah harga seekor kucing?
A RM 15 B RM 25 C RM 35 D RM 45

33. Yang mana bentuk bulat?
A  B  C D

34. Binatang manakah yang hanya terdapat di Australia?
A Panda B Musang C Kijang D Kanggaru

35. Serangga manakah yang menghasilkan madu?
A Labah-labah B Lebah C Lalat D Nyamuk

36. 66 ÷ 6 =
A 11 B 6 C 33 D 26

37. Angka 50 boleh dibahagi _____ tanpa baki.
A 6 B 3 C 5 D 9

38. Ayam jantan _____.
A berdengkus B berkukur C berkokok D berkicau

39. Perkataan manakah seerti dengan "aman"?
A Haus B Ganas C Betul D Damai

40. Perkataan manakah berlawan maksudnya dengan "bahaya"?
A Haus B Selamat C Hodoh D Sama

41. Ibu kota negara Malaysia ialah _____.
A Labuan B Ipoh C Kuala Lumpur D Lumut

42. Muzium Negara Malaysia terletak di _____.
A Labuan B Ipoh C Kuala Lumpur D Lumut

43. Murid-murid perlu _____ semasa guru mengajar.
A membuat bising B tidur
C berlari D memberi perhatian

44. Mata wang Malaysia ialah _____.
A Ringgit Malaysia B Yen C Dollar D Taka

45. Anak kepada nyamuk dipanggil _____.
A ulat B berudu C jentik-jentik D comel-comel

46. Perlis terletak di bahagian _____ Semenanjung Malaysia.
A selatan B utara C timur D barat

47. 1 tahun bersamaan dengan _____ bulan.
A 24 B 14 C 16 D 12

48. Dia membeli _____ bunga mawar.
A sejambak B sekeping C seekor D sehelai

49. Kereta Kebal digunakan dalam _____.
A menuai padi B pengangkutan C peperangan D pelancongan

50. Lembu makan _____ sahaja.
A daging B kayu C plastik D rumput

Jawapan Matematik Tahun 2 22/97
A. 1. RM 1.20 2. RM 1.50 3. RM 0.85
B. 1. D 2. A 3. B 4. D 5. C
6. B 7. B 8. B 9. C 10. A

Jawapan Matematik Tahun 3 22/97
1. B 2. B 3. D 4. C 5. B 6. B
7. B 8. C 9. C 10. A 11. D







Colour By Number

1. RED
2. YELLOW
3. GREEN
4. BLUE
5. ORANGE
6. PURPLE
7. PINK

Lisa telah lupa membuat 10 perkara sebelum tidur. Bolehkah adik-adik sebutkan?

Pertandingan Nyanyian

Saya telah dipilih oleh guru muzik untuk mewakili kelas saya dalam pertandingan nyanyian. Pertandingan nyanyian itu diadakan pada hari Jumaat.

Sebelum tibanya pertandingan nyanyian, saya berlatih setiap hari. Guru muzik mengajar saya di sekolah. Di rumah, emak dan kakak adalah pendengar utama saya.

Pada hari Jumaat, pertandingan nyanyian diadakan di dewan sekolah. Semua guru dan murid berkumpul di sana untuk menyaksikan pertandingan itu. Apabila tibanya giliran saya, saya telah naik ke atas pentas. Saya menyanyi lagu yang bertajuk "Ten Little Indian Boys". Saya menyanyi dengan suara yang merdu.

Saya mendapat tempat kedua dalam pertandingan itu. Saya berharap saya dapat mencapai keputusan yang lebih baik kelak.



Menyertai Pertandingan Melukis

Semenjak dari kecil lagi, saya telah mempunyai minat untuk melukis. Bapa telah mengupah seorang guru seni lukis untuk mengajar saya melukis. Saya belajar cara-cara melukis dan mewarna daripadanya.

Pada hari Ahad yang lalu, saya telah menyertai satu pertandingan melukis. Tajuk pertandingan melukis ialah "Berkelah". Saya melukis beberapa orang yang sedang berkelah di tepi pantai. Saya melukis sepohon pokok yang besar, laut, orang sedang berenang dan berehat di bawah pokok.

Apabila keputusan diumumkan, saya telah mendapat tempat pertama. Hadiahnya ialah sebuah basikal BMX dan sekotak warna sebagai cenderamata.

Saya berasa gembira dengan keputusan itu. Saya berjanji akan berusaha bersungguh-sungguh supaya mendapat keputusan yang lebih baik.

Suatu Mimpi

Pada suatu petang, cuaca sangat panas. Saya berasa sangat letih dan tertidur di atas sofa.

Ketika saya tidur, saya mendapati berada di sebuah kebun buah-buahan. kebun buah-buahan itu ditanam banyak pokok buah-buahan. Pokok buah-buahan itu sarat dengan buah-buahan. Baunya sungguh harum.

Saya memanjat ke atas sepohon pokok untuk memetik buahnya. Ketika saya hampir dapat memetik buah itu, dahan pokok itu patah dengan tiba-tiba. Saya terjatuh dari pokok itu.

Saya terasa sangat sakit. Apabila saya terjaga, saya mendapati diri saya telah jatuh dari sofa. Rupanya saya telah bermimpi.

Suatu Mimpi Yang Menakutkan

Masa hampir pukul dua belas malam. Saya sedang membaca buku cerita di atas katil. Saya berasa sungguh letih lalu tertidur.

Tiba-tiba satu satelit yang terang terbang ke dalam bilik saya. Satelit itu menarik saya dan membawa saya terbang ke atas langit.

Saya dibawa ke suatu tempat yang tidak saya ketahui. Saya telah berada di dalam satu lubang yang dalam dan gelap. Saya berasa takut dan berusaha untuk memanjat keluar dari lubang itu. Akhirnya saya letih dan pengsan.

Pada waktu itu juga saya terus terjaga. Saya merasai saya masih terbaring di atas katil. Rupa-rupanya saya telah bermimpi.

Pameran Buku

Pada cuti sekolah, bapa membawa saya dan kakak melawat ke pesta buku. Pesta buku itu diadakan di dewan besar berhampiran rumah kami.

Apabila kami tiba di sana, kami dapati terdapat sepuluh kedai buku yang menyertai pesta itu. Banyak buku yang dipamerkan. Selain dari bermacam-macam jenis buku, alat tulis dan kad-kad juga dijual di sana.

Saya membeli sebuah buku kartun dan sebuah buku rujukan Bahasa Melayu. Kakak membeli tiga buah buku cerita. Bapa pula membeli beberapa buah buku tentang kenderaan, fotografi, dan perkebunan.

Kami pulang ke rumah setelah tiga jam memilih dan membeli buku di pameran buku itu.

Sambungkan titik 1 hingga 95. Adik-adik akan tahu siapa yang sedang berjalan. Warnakannya.



Rahsia Dinosaur

RM 2.50 senaskhah



Borang Langganan Rahsia Dinosaur

Saya ingin melanggan "RAHSIA DINOSAUR" _____ *naskhah*

Nama : _____

Alamat Rumah : _____

_____ *No. Telefon :* _____

Cara Pembayaran: Dikirimkan

☐ *Cek*
No. Cek : _____ *RM* _____

☐ *Bank Draf*
No. Bank Draf : _____ *RM* _____

☐ *Wang Pos*
No. Wang Pos : _____ *RM* _____

* **Jangan kirimkan wang tunai.**
* **Cek luar dari kawasan Kuala Lumpur perlu disertakan RM 0.50 sebagai bayaran perkhidmatan bank.**

umbrella
An **umbrella** keeps us from getting wet.
The rabbit is under its **umbrella**.
The mouse also has an **umbrella**.



uniform
The soldiers are all in **uniform**.
They are wearing **special clothes**.
The band's **uniform** is very special.

until
The rabbits can't go out **until** the wolf has gone away.
When the wolf has gone, the rabbits can go out.
Until then, they' ll stay indoors.

taste
Everyone wants to **taste** Mum's cooking.
Her fish soup is very **tasty**.
The cat is hoping it' ll get a **taste**.



town
A **town** is a place with lots of buildings.
A big **town** is called a city.
A small **town** is sometimes called a village.



tree
This **tree** is an apple **tree**.
An apple is falling off the **tree**.
A bear is sleeping under the **tree**!

Menangilah Hadiah Wang Tunai Hari Cuti Sekolah
Untuk Membeli Buku Dan Sebagainya

Hadiah Pertama RM 30

Hadiah Kedua RM 25

Hadiah Ketiga RM 20

Hadiah Keempat RM 15

Selamat Bercuti Sekolah

25 Buah Hadiah Istimewa RM 5 Setiap Hadiah

1 000 Buah Hadiah Saku Hati Sebuah Buku Setiap Hadiah

Peraturan-peraturan Menyertai Pertandingan Ilmu Pengetahuan Am

1. Semua pembaca layak memasuki pertandingan.
2. Hanya borang penyertaan asal boleh diterima.
3. Jawapan mesti dihitamkan dengan jelas.
4. Nombor kawasan hendaklah dituliskan.
5. Jawapan serta nama-nama pemenang akan diumumkan dalam keluaran 7/98
6. Semua borang penyertaan mesti dihantar kepada:

   Sasmurni Bakti Sdn. Bhd.
   42, Jalan 10/34B, Sri Edaran Industrial Park, Kepong, 52100 Kuala Lumpur.

   atau diserahkan kepada ejen-ejen daerah kamu sebelum 31.12.97
7. Borang penyertaan yang tidak mematuhi peraturan-peraturan tersebut di atas akan dibatalkan.

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN ILMU PENGETAHUAN AM

22/97

Keluaran Khas Mingguan Didikku Tahap 1 Bulan November 1997

Kelas : _____ No. Kawasan : _____ Negeri : _____

Nama : _____ Nama Sekolah : _____

Alamat : _____

1.	(A)	(B)	(C)	(D)	2.	(A)	(B)	(C)	(D)	3.	(A)	(B)	(C)	(D)
4.	(A)	(B)	(C)	(D)	5.	(A)	(B)	(C)	(D)	6.	(A)	(B)	(C)	(D)
7.	(A)	(B)	(C)	(D)	8.	(A)	(B)	(C)	(D)	9.	(A)	(B)	(C)	(D)
10.	(A)	(B)	(C)	(D)	11.	(A)	(B)	(C)	(D)	12.	(A)	(B)	(C)	(D)
13.	(A)	(B)	(C)	(D)	14.	(A)	(B)	(C)	(D)	15.	(A)	(B)	(C)	(D)
16.	(A)	(B)	(C)	(D)	17.	(A)	(B)	(C)	(D)	18.	(A)	(B)	(C)	(D)
19.	(A)	(B)	(C)	(D)	20.	(A)	(B)	(C)	(D)	21.	(A)	(B)	(C)	(D)
22.	(A)	(B)	(C)	(D)	23.	(A)	(B)	(C)	(D)	24.	(A)	(B)	(C)	(D)
25.	(A)	(B)	(C)	(D)	26.	(A)	(B)	(C)	(D)	27.	(A)	(B)	(C)	(D)
28.	(A)	(B)	(C)	(D)	29.	(A)	(B)	(C)	(D)	30.	(A)	(B)	(C)	(D)
31.	(A)	(B)	(C)	(D)	32.	(A)	(B)	(C)	(D)	33.	(A)	(B)	(C)	(D)
34.	(A)	(B)	(C)	(D)	35.	(A)	(B)	(C)	(D)	36.	(A)	(B)	(C)	(D)
37.	(A)	(B)	(C)	(D)	38.	(A)	(B)	(C)	(D)	39.	(A)	(B)	(C)	(D)
40.	(A)	(B)	(C)	(D)	41.	(A)	(B)	(C)	(D)	42.	(A)	(B)	(C)	(D)
43.	(A)	(B)	(C)	(D)	44.	(A)	(B)	(C)	(D)	45.	(A)	(B)	(C)	(D)
46.	(A)	(B)	(C)	(D)	47.	(A)	(B)	(C)	(D)	48.	(A)	(B)	(C)	(D)
49.	(A)	(B)	(C)	(D)	50.	(A)	(B)	(C)	(D)					

Dicetak oleh Percetakan Tatt Sdn. Bhd. (270731–D) 2-3 Jalan 3/32A, Kepong, 52000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-6272248 Fax : 03-6279478